

U 8928 AAB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 1984

LANGKAWI, 22 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI D R MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN PENDUDUK LANGKAWI MEREbut PELUANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN YANG WUJUD BEGITU BANYAK BERIKUTAN DENGAN PEMBANGUNAN PESAT DI PULAU INI.

KATANYA, KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT MEMBELANJAKAN \$1,000 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN SEMENTARA SEBUAH SYARIKAT SWASTA + PROMET + MELABUR BERJUTA-JUTA RINGGIT BAGI MELAKSANAKAN PROJEK PELANCONGAN RAKSAKSA DI LANGKAWI.

BERUCAP KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DISINI SEMALAM, PERDANA MENTERI BERKATA, PENDUDUK TEMPATAN MESTILAH MENGAMBIL KESEMPATAN MENAMBAH PENDAPATAN DISAMPING MEREbut PELUANG PEKERJAAN YANG DIWUJUDKAN DI BAWAH PROJEK PELANCONGAN INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BELIAU TELAH MENGARAHKAN PROMET SUPAYA MEMBERSI PELUANG KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN MENYERTAI KERJA-KERJA PROJEK ITU.

SELAIN DARI ITU, SYARIKAT BERKENAAN TELAH DIMINTA MEMBINA GERAI-GERAI PERNIAGAAN YANG LEBIH SELESA UNTUK DIKENDALIKAN OLEH PENIAGA-PENIAGA KECIL TEMPATAN. -- LAGI.

1219MST 22 11 84

D621

U 8929 AAB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 LANGKAWI

BELIAU MENAMBAH PROMET JUGA BERSETUJU MEMBERI LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA PENDUDUK TEMPATAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MEMEGANG JAWATAN TINGGI DALAM SYARIKAT BERKENAAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BELIAU SEDAR TENTANG TERDAPAT PERASAAN TIDAK PUASHATI CARA PROMET MELAKSANAKAN PROJEKNYA DI SINI.

BAGAIMANAPUN, MASALAH YANG WUJUD ITU HARUSLAH DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENGARAHKAN PROMET MEYBUKA PEJABATNYA DI SINI UNTUK MENYELESAIKAN SEMUA MASALAH DENGAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR TEMPATAN DENGAN LEBIH CEPAT.

PERDANA MENTERI KINI DALAM RANGKA LAWATAN TIGA HARI UNTUK MENINJAU PROJEK PEMBANGUNAN DI PULAU LANGKAWI MULAI SEMALAM. -- EERNAMA.

1222MST 22 11 84